



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu ke 37 tahun 2009 (13 -19 Sept 2009)

Jumlah kes yang dilaporkan pada minggu lepas (13 hingga 19 Sept 2009) telah meningkat banding dengan minggu sebelumnya. Untuk makluman, sejumlah 497 kes demam denggi dengan 1 kematian dilaporkan sepanjang minggu lepas berbanding dengan 478 kes tanpa kematian bagi minggu sebelumnya. Sebanyak 5 negeri telah menunjukkan peningkatan kes yang ketara iaitu Selangor meningkat 34 kes, Sarawak 13 kes, Perak 11 kes, Johor 10 kes, dan Negeri Sembilan 4 kes. Jumlah terkumpul kes denggi pada tahun 2009 ialah 30,981 kes dengan 70 kematian berbanding 32,643 kes dengan 74 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2008. Maklumat pecahan kes mengikut negeri seperti dalam Lampiran A.

Kes kematian denggi yang dilaporkan pada minggu ini adalah daripada Miri, Sarawak, melibatkan seorang wanita berusia 29 tahun yang meninggal dunia di Hospital Miri pada 6 September 2009 kerana komplikasi jangkitan denggi (*Dengue Shock Syndrome*). Aktiviti kawalan termasuk gotong-royong telah dilakukan di lokaliti yang terlibat.

Bagi penyakit Chikungunya, sejumlah 9 kes telah dilaporkan dengan penurunan 9 kes berbanding minggu sebelumnya iaitu 18 kes. Terdapat hanya 1 negeri yang menunjukkan peningkatan kes pada minggu ini iaitu Selangor. Bagaimanapun, tiada kematian berkaitan penyakit Chikungunya dilaporkan sehingga kini. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti di lampiran B.

Berikutan tanda awal kenaikan kes-kes denggi yang dilaporkan, orang awam adalah diminta untuk memberikan kerjasama untuk memastikan kawasan dalam rumah dan persekitaran nya adalah bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes, pembawa demam denggi. Musim hujan yang sudah kelihatan bermula akan mempermudah pembiakan nyamuk aedes jika tiada langkah proaktif diambil bagi mengawal tempat-tempat pembiakan aedes terutama daripada bekas sampah yang boleh menakung air yang dibuang di merata tempat tanpa kawalan.

Masyarakat dinasihatkan selepas mereka balik dari kampung sesudah cuti raya, pastikan tidak pembiakan Aedes di sekitar kediaman mereka dengan melakukan pemeriksaan dan memusnahkan tempat pembiakan tersebut sebaik kembali balik ke rumah masing-masing. Bagi sesiapa yang mengalami demam sila dapatkan rawat awal agar penularan jangkitan demam denggi dapat dicegah dengan segera dan komplikasi akibat demam denggi dapat dielakkan.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

24 September 2009

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 37/2009
(13 hingga 19 September 2009)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 37/2009	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 37/2008
		Minggu 37 (13 – 19 Sep 2009)	Minggu 36 (6 – 12 Sept 2009)		
1.	Perlis	2	0	163 (0)	116 (0)
2.	Kedah	9	10	622 (0)	957 (0)
3.	P. Pinang	18	29	1,941 (0)	1,324 (1)
4.	Perak	33	22	2,459 (1)	2,622 (2)
5.	Selangor	222	188	15,205(44)	13,856(31)
6.	WPKL & Putrajaya	40	52	2,926 (8)	3,698 (9)
7.	N. Sembilan	13	9	681 (5)	993 (1)
8.	Melaka	10	20	619 (2)	633 (1)
9.	Johor	36	26	1,912 (3)	2,634(14)
10.	Pahang	12	11	664 (2)	855 (0)
11.	Terengganu	5	11	743 (0)	1,276 (3)
12.	Kelantan	11	10	882 (1)	1,816 (9)
13.	Sarawak	68 (1)	55	1,367 (1)	783 (2)
14.	Sabah	18	35	775 (3)	60 (1)
15.	WP Labuan	0	0	22 (0)	102 (0)
	Jumlah	497 (1)	478 (0)	30,981 (70)	32,643(74)

Nota:

() Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU 37 DAN 36 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1- 37 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 37 (13 - 19 September 2009)	Minggu 36 (6 - 12 September 2009)		
1	Perlis	0	0	33	3
2	Kedah	0	0	784	181
3	P. Pinang	2	3	318	6
4	Perak	0	0	401	590
5	Selangor	3	0	418	353
6	WPKL &Putrajaya	0	0	93	27
7	N. Sembilan	0	0	31	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	1	1	154	1,846
10	Pahang	0	1	71	341
11	Terengganu	0	0	58	4
12	Kelantan	1	3	425	135
13	Sarawak	2	10	368	3
14	Sabah	0	0	5	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	9	18	3,159	4,271

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia